

30 SEP 2003

PARLIMEN: ISU SEMPADAN MALAYSIA-BRUNEI MASIH DLM PERBINCANGAN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Isu penetapan sempadan maritim dan sempadan darat antara Malaysia dengan Brunei masih lagi dalam proses perundingan, kata Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Beliau berkata kerajaan berpendirian bahawa isu itu perlu diselesaikan melalui rundingan kedua-dua negara dalam semangat setiakawan.

"Kerajaan juga berpendapat bahawa penyelesaian terhadap isu tersebut haruslah dibuat atas prinsip menang-menang yang memmanfaatkan kedua-dua negara," katanya semasa menggulung perbahasan Bajet 2004 bagi kementeriannya pada peringkat dasar di Dewan Rakyat hari ini.

Michael Toyad juga menjelaskan bahawa apa yang dikatakan sebagai isu tuntutan Brunei ke atas Limbang itu sebenarnya merujuk kepada isu penetapan sempadan itu.

Isu tuntutan ke atas Limbang telah dibangkitkan oleh Henry Sum Agong (BN-Bukit Mas) semasa sesi perbahasan Bajet 2004.

Beliau berkata Malaysia telah mengemukakan cadangan berpakej berhubung dengan penetapan sempadan terbabit.

Beberapa rundingan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei serta di peringkat pegawai kanan antara kedua-dua negara juga telah diadakan mengenai pakej itu.

Persidangan Dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NN NN ROS